

**NO. SOALAN: 45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]**

**TARIKH : 28 OKTOBER 2015**

**RUJUKAN : 8223**

**SOALAN:**

**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes yang disiasat dan dicaj di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran setiap tahun sejak 2010.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bilangan kes pemerdagangan orang yang disiasat dan dibuat pertuduhan pada tahun 2010 ialah sebanyak 193 kes, tahun 2011 sebanyak 22 kes, tahun 2012 sebanyak 70 kes, tahun 2013 sebanyak 129 kes, tahun 2014 sebanyak 62 kes dan bagi tahun 2015 sehingga bulan September adalah sebanyak 14 kes.**

**Peruntukan undang-undang berkaitan dengan penyeludupan migran telah dikuatkuasakan pada 15 November 2010. Bilangan kes yang telah disiasat dan dituduh pada tahun 2011 ialah sebanyak 27 kes, tahun 2012 sebanyak 49 kes, tahun 2013 sebanyak 66 kes, tahun 2014 sebanyak 75 kes dan bagi tahun 2015 sehingga bulan September 2015 adalah sebanyak 21 kes.**

**SOALAN ( 46 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 28 OKTOBER 2015  
[ RABU ]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NG WEI AIK  
[ TANJONG ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN NG WEI AIK [ TANJONG ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan cara perhitungan beliau sehingga penganjur perhimpunan Bersih 4.0 perlu membayar kos pembersihan sejumlah RM65,000 manakala penganjur perhimpunan 16 September hanya perlu membayar kos pembersihan sejumlah RM38,000 dan bercanggahan dengan perhitungan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang menganggapkan kos pembersihan sejumlah RM50,000.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perhimpunan Bersih 4.0 pada 29 dan 30 Ogos 2015 telah menghimpunkan sejumlah peserta yang telah membanjiri kawasan sekitar bandaraya Kuala Lumpur terutamanya di sekitar Dataran Merdeka. Kos pembersihan Perhimpunan Bersih 4.0 tersebut adalah dihitung berdasarkan kadar yang telah ditetapkan dan jumlah tuntutan kos keseluruhan pembersihan adalah sebanyak RM64,955.

Manakala, perhimpunan Himpunan Rakyat Bersatu pada 16 September 2015 juga telah menghimpunkan peserta yang membanjiri kawasan Bandaraya Kuala Lumpur terutamanya di Padang Merbuk. Kos pembersihan bagi perhimpunan berkenaan juga dihitung berdasarkan kadar yang telah ditetapkan.